# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SABTU , 12 MEI 2018

1. **PESAWAH TERIMA BANTUAN KHAS – SH, 37**
2. **SEKINCHAN JADI HAB PADI WANGI, SELANGOR & KL – SH, 22**
3. **SEING POTENTIAL IN TUNA INDUSTRY, METRO – THE STAR, 13**

***UKKMOA***

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI**
**(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

| Headline | Pesawah terima bantuan khas | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | Sinar Harian (Kelantan) | | |
| Date | 12 May 2018 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 160,000 |
| Page No | 37 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 212 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,681 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 5,042 |






**Pegawai Pertanian Tumpat, Munawaruzzaman Harun (kiri) menyerahkan replika cek bantuan bencana tanaman padi yang rosak kepada Mohd Hasmy (tengah) dan Tuan Mohd Ali.**

# Pesawah terima bantuan khas

**TUMPAT** - Seramai 284 ahli peladang menerima bantuan khas pesawah sementara menunggu hasil padi dengan jumlah keseluruhan RM170, 400.

Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tumpat, Tuan Mohd Ali Tuan Yusof berkata, ini pemberian kali pertama sejak bantuan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani itu dilancarkan bulan lalu.

Menurutnya, setiap ahli peladang yang menanam padi akan menerima bantuan sebanyak RM600 seorang.

"Setiap bulan mereka akan dapat RM200 untuk tempoh menunggu padi masak yang dibayar selama tiga bulan," katanya.

Bagi penerima, Nurul Shuhada Shuhaira Suhaimi, 27, bantuan berkenaan disambut baik oleh petani.

"Tiga bulan menunggu padi masak, kami diberi bantuan RM600.

"Amat bermakna untuk kami yang memperoleh hasil pendapatan dengan menanam padi," katanya.

Pada majlis tersebut, turut diagihkan bantuan bencana tanaman padi tahun 2016/2017 sebanyak RM325,093.72 melibatkan 225 petani apabila tanaman mereka rosak ditenggelami banjir.

Hadir sama, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PPK Tumpat, Mohd Hasmy Hasim.

Powered by: isentia

| Headline | Sekinchan jadi hab padi wangi | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 12 May 2018 | Color | Full Color |
| Section | Selangor & KL | Circulation | 160,000 |
| Page No | 22 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 416 cm² |
| Journalist | Mohd Izzatul Izuan Tahir | AdValue | RM 7,096 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 21,288 |




# Sekinchan jadi hab padi wangi

*Projek perintis bermula sebaik peroleh kelulusan Kementerian Pertanian*

MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

**SABAK BERNAM**

Kawasan padi di Dun Sekinchan dicadang menjadi perintis bagi projek tanaman padi wangi sepertimana yang terkandung dalam manifesto Pakatan Harapan (Harapan) di Dun itu pada PRU14.

Adun Sekinchan Ng Suee Lim berkata, beliau akan memperjuangkan cadangan menjadikan Sekinchan antara pengeluar padi wangi terbesar di negara ini.

"Cadangan mewujudkan projek perintis padi wangi di kawasan Sekinchan penting sebab akan meningkatkan dan menambah pendapatan pesawah secara keseluruhannya," katanya.

Suee Lim berkata, usaha itu sudah lama ingin dilaksanakan, tetapi tidak mendapat kelulusan daripada kerajaan Persekutuan sebelum ini.

"Saya sendiri ingin mencadangkan kepada kementerian pertanian yang diterajui kerajaan baharu Pakatan Harapan untuk dipertimbang projek perintis tanaman padi wangi ini.

"Negara ketika ini terpaksa mengimport beras wangi daripada negara luar dan dengan adanya usaha itu kebergantungan kepada beras wangi dapat dikurangkan," katanya.

Mengulas mengenai kemenangan beliau selama empat penggal berturut-turut di kerusi itu, Suee Lim berkata, rakyat di Dun Sekinchan memilih secara teliti siapa yang layak untuk terus memimpin.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada seluruh pengundi Dun Sekinchan terutama kaum Melayu, Cina dan India kerana terus memberi sokongan padu terhadap saya untuk terus menerajui Dun ini," katanya.

Beliau berkata, meskipun diasak bertubi-tubi daripada BN, namun rakyat Dun itu konsisten untuk memilih wakil rakyat terbaik.

"Dalam keadaan sebegitu kritikal pun rakyat Dun Sekinchan tidak berganjak. Mereka bermaruah dan mempunyai kebijaksanaan tersendiri.

"Saya bangga dengan semangat Sekinchan kerana mereka terus istiqamah dan berpegang kepada prinsip tidak boleh dibeli dengan wang ringgit, walaupun kami ini petani atau nelayan," katanya.

Suee Lim memberitahu, semangat Sekinchan itu perlu diperkuat pada masa akan datang.

Pada PRU14, Suee Lim sekali lagi diberi mandat kali keempat di kerusi itu apabila menewaskan calon BN, Lee Yee Yuan dan calon Pas, Mohd Fadzin Taslimin dengan majoriti 2,844 undi.

*info* Adun Sekinchan akan perjuang cadangan itu seperti terkandung dalam Manifesto Harapan




**Suee Lim (dua kanan) yang memenangi Dun Sekinchan sejak empat penggal lalu berhasrat menjadikan Dun itu sebagai projek perintis tanaman padi wangi.**

Powered by: isentia

| Headline | Seeing potential in tuna industry | | |
| --- | --- | --- | --- |
| MediaTitle | The Star | | |
| Date | 12 May 2018 | Color | Full Color |
| Section | Metro | Circulation | 338,368 |
| Page No | 13 | Readership | 1,032,000 |
| Language | English | ArticleSize | 382 cm² |
| Journalist | INTAN AMALINA MOHD ALI | AdValue | RM 19,299 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 57,896 |



# Seeing potential in tuna industry

## Convention on growing the sector includes launch of gallery on marine life

**BATU MAUNG**

By INTAN AMALINA MOHD ALI and AMELIA B. ARULAPPAN
north@thestar.com.my

THE tuna industry in Malaysia has the potential to produce 130,000 metric tonnes of the fish worth RM1bil by 2020, said Fisheries Department director-general Datuk Munir Mohd Nawi.

"And to help market the tuna, business apps must be created so that customers from all over the world can order such products online.

"The facilities offered by my department are sufficient but more innovative ideas are needed," he said at the opening ceremony of a two-day tuna convention in Batu Maung, Penang.

Some 150 people from various organisations and companies attended the convention which was to address challenges in the tuna industry.

During the event, Yang di-Pertua Negri Tun Abdul Rahman Abbas attended the launch of a tuna gallery at the Tunku Abdul Rahman Aquarium (AquaTAR) in Batu Maung.

Munir, who was also present, said the number of visitors to the aquarium was more than 100,000 annually.

"The gallery is aimed at educating the public about marine life and its ecosystem.

"We estimate that the number of visitors will increase with the tuna gallery as its latest attraction.

"The public will learn about various tuna species and ongoing research on the fish," he said.

Munir added that the gallery also had models of ships used to catch tuna.

Also present was Fisheries Research Institute research senior director Dr Zainoddin Jamari.

AquaTAR is open daily except on Wednesday, from 8.30am to 12.30pm and 2.30pm to 4pm.

Tickets are priced at RM5 per adult and RM2.50 for children aged six to 12.

Admission is free for those aged 55 and above and children seven years old and below.

For details, call 04-626 3925/04-626 3926 or log on to www.fri.gov.my



Munir (third from right) and visitors looking at a Bigeye Tuna model after the launch of the tuna convention at Pen Mutiara in Batu Maung. With them is state Fisheries Department director Noraisyah Abu Bakar (right).

> **The gallery is aimed at educating the public about marine life and its ecosystem.**
>
> Datuk Munir Mohd Nawi

Powered by: isentia